

MAHATHIR

(1)

1984

LABUAN, 22 JULAI (BERNAMA) --- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMPELAWA PARA PELABUR MALAYSIA DAN LUAR NEGERI MENYERTAI PEMBANGUNAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN, TERUTAMA SEKALI DALAM INDUSTRI BERASASKAN EKSPORT DAN PELANCONGAN.

BAGAIMANAPUN, PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN AKAN MENYAMBU, T BAIK PENYERTAAN MEREKA ATAS DASAR YANG DAHULU DIDAHULUKAN DAN SETIAP. PENYERTAAN AKAN DITIMBANGKAN DENGAN TELITI.

BERCAKAP DENGAN BAKAL-BAKAL PELABUR DARI SEMENANJUNG MALAYSIA DAN SABAH DALAM SATU PERJUMPAAN KHAS DI SINI, BELIAU BERKATA LABUAN MEMPUNYAI KEMUDAHAN UNTUK MENJADI SALAH SEBUAH KAWASAN PEMBANGUNAN UTAMA DI NEGARA, MEMANDANCKAN KEDUDUKAN STRATEGIKNYA BAGI LALUAN LAUT DAN UDARA ANTARA TIMUR DAN BARAT.

PARA USAHAWAN DAN PENIAGA DIBAWA KHAS KE PULAU INI OLEH PERDANA MENTERI YANG INGIN MELIHAT PULAU ITU PESAT DIMAJUKAN SECEPAT MUNGKIN MEMANDANGKAN KEDUDUKAN STRATEGIKNYA DAN TARAFNYA SEBAGAI WILAYAH PERSEKUTUAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN BERSEDIA UNTUK MENGADAKAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN YANG DIPERLUKAN, TERMASUK MENEBUSGUNA KIRA-KIRA 1,200 HEKTAR TANAH DI SEKELILING PULAU ITU. -- LAGI

KERJA-KERJA MENEBUSGUNA TANAH DIDAPATI PERLU KERANA KEBANYAKAN DARIPADA TANAH ITU TELAH DIPINDAH MILIK SEJAK AWAL LAGI.

SEBAGAI SEBUAH PULAU YANG KECIL TETAPI INDAH, PERDANA MENTERI BERKATA IANYA SESUAI UNTUK INDUSTRI-INDUSTRI RINGAN, INDUSTRI HOTEL DAN PEMBINAAN KOMPLEKS-KOMPLEKS MEMBELI BELAH DAN TIDAK SESUAI BAGI INDUSTRI BERAT.

BAGAIMANAPUN, BELIAU MENDAPATI SUDAH ADA BEBERAPA INDUSTRI BERAT DI KAWASAN PERUSAHAAN RANCHA-RANCHA TERMASUK KILANG METHANOL, BESI BERONGGA DAN JANAKUASA INDUSTRI GAS SABAH SERTA LIMBONGAN SABAH.

PERDANA MENTERI BERKATA KEPUTUSAN UNTUK +MENYAMBU, T BAIK+ INDUSTRI RINGAN DAN PELANCONGAN BERTUJUAN MEMPASTIKAN PULAU ITU KEKAL INDAH DAN EERSIH DAN TIDAK DICACATKAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGAKUI HAKIKAT BAHAWA PULAU ITU JUGA TIDAK KURANG DARI MENGHADAPI MASALAH, ANTARANYA KEKURANGAN BURUH, BEKALAN AIR DAN TANAH. -- LAGI

MAHATHIR 3 LABUAN

(I)

KATANYA MASALAH BEKALAN AIR SEDANG DIATASI SEMENTARA KEKURANGAN TANAH AKAN DIATASI OLEH TANAH-TANAH YANG DITEBUS GUNA DI SEKELILING PULAU DAN PEKERJA-PEKERJA YANG BERHIJRAH AKAN DIGUNAKAN UNTUK MENYELESAIKAN KEKURANGAN BURUH.

BELIAU JUGA BERKATA WALAUPUN KERAJAAN BERSEDIA UNTUK MENGADAKAN HAMPPIR SEMUA KEMUDAHAN, IA JUGA BERSEDIA UNTUK MELAYANI PERMINTAAN DARIPARA PELABUR YANG INGIN MENYEDIAKAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN DI KAWASAN PEMBANGUNAN MEREKA SENDIRI.

MENGENAI PENYERTAAN ASING DI LABUAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA WALAUPUN PENYERTAAN MEREKA DISAMBUK BAIK TETAPI PERMINTAAN DAN CADANGAN MEREKA PERLU DIPERTIMBANGKAN DENGAN TELITI SATU PERSATU.

KERAJAAN, KATANYA, AKAN MEMUTUSKAN SAMA ADA UNTUK MEMBENARKAN MEREKA UNTUK MEMBUAT PELABURAN 100 PERATUS ATAU DENGAN EKUITI YANG LEBIH RENDAH BERGANTUNG KEPADA JENIS INDUSTRI YANG DICADANGKAN OLEH MEREKA DI PULAU ITU.

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN INGIN MELIHAT PARA PELABUR TEMPATAN DAN LUAR NEGERI MENUBUHKAN INDUSTRI-INDUSTRI BERASASKAN EKSPORT DI LABUAN KERANA IANYA AKAN MEMBEKALKAN TUKARAN WANG ASING YANG DIPERLUKAN. -- LAGI

M A H A T H I R 4 LABUAN

(I)

MENGENAI PULAU-PULAU KECIL DI SEKITAR LABUAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENCAJANGKAN PULAU-PULAU ITU DIMAJUKAN SEBAGAI KAWASAN PELANCONGAN ATAU LAIN-LAIN INDUSTRI YANG DIFIKIRKAN SESUAI OLEH PARA PELABUR.

PULAU-PULAU TERSEBUT IALAH KURAMAN, RUSUKAN BESAR, RUSUKAN KECIL, PAPAN, BURUNG DAN DAHAT.

MENGENAI KEBERSIHAN PULAU ITU, BELIAU MENEKANKAN BAHAWA PARA PELABUR SENDIRI AKAN DIKEHENDAKI MEMBIAYAI ASPEK TERSEBUT TERMASUK MENGINDAHKAN KAWASAN SEKITAR KILANG DAN KAWASAN PERUSAHAAN.

KERAJAAN AKAN MEMASTIKAN PULAU ITU DIJAGA DENGAN BAIK DAN SETAKAT YANG BOLEHAKAN CUBA MENJADIKANNYA SEBAGAI SEBUAH TAMAN BESAR YANG INDAH DENGAN MENGEKALKAN SEBANYAK YANG BOLEH KEINDAHAN SEMULA JADINYA.

SEBELUM ITU, MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DATUK SHAHRIR ABDUL SAMAD BERKATA PERJUMPAAN ITU MERUPAKAN HASRAT PERDANA MENTERI UNTUK MENINGKATKAN KERJASAMA ANTARA SEKTOR AWAM DAN SWASTA DAN MEMASUKKAN CADANGAN-CADANGAN BARU YANG BOLEH DIGUNA OLEH SEKTOR SWASTA DALAM MEMAJUKAN LABUAN. -- LAGI

1805MST 22 0784

D530

U 0249 DEB

MAHATHIR 5 LABUAN

(I)

HADIRSAMA DALAM PERJUMPAAN TERTUTUP ITU IALAH KETUA MENTERI SABAH DATUK HARRIS SALLEH, TIMPALAN MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN ENCIK AHMAD SHAH TAMBAKAU, TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN NEGARA DAN LUAR BANDAR HAJI YAHYA LAMPONG, MENTERI PEMEANGUNAN PERUSAHAAN SABAH DATUK CLARENCE MANSUL DAN KETUA SETIASUAHA KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DATUK DR. ELYAS OMAR YANG JUGA DATUK BANDAR KUALA LUMPUR.

PAGI TADI, PERDANA MENTERI MENGETUAI ROMBONGAN PARA USAHAWAN MELIHAT PULAU-PULAU DI SEKITAR LABUAN DARI UDARA DAN KEMUDIAN SINGGAH DI PULAU KURAMAN YANG AKAN DIMAJUKAN SEBAGAI PUSAT MELABUYKAN KAPAL YANG MENGGUNAKAN LALUAN TIMUR JAUH.

DATUK SERI DR. MAHATHIR DAN ROMBONGANNYA TERMASUK DATUK SEPI DATIN PADUKA DR. SITI MASMAH AKAN MELAWAT SANDAKAN ESOK. -- BERNAMA